

## **ASNAF AL-GHARIMIN: KAJIAN TERHADAP TAKRIFAN DAN CORAK AGIHAN ZAKAT DI NEGERI KEDAH**

*Asnaf Al-Gharimin: A Study on the Definition and Zakat Distribution Pattern in  
Kedah*

**Nadiah Nabilah Binti Baharum<sup>1\*</sup>**

**Raziah Binti Md Tahir<sup>2</sup>**

**Abu Bakar Hamed<sup>3</sup>**

<sup>1,2,3</sup>Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman

\*Corresponding author (Email: [nadiahnabilah88@gmail.com](mailto:nadiahnabilah88@gmail.com))

Diterima: 8 March 2021, Diproses: 10 March 2021, Diterbitkan: 31 March 2021

---

**Abstrak:** *Umumnya, dana kutipan zakat di institusi zakat negeri di Malaysia menunjukkan peningkatan setiap tahun. Walaupun zakat diagihkan kepada setiap asnaf, namun asnaf al-gharimin masih kurang diberi perhatian. Menurut takrifan umum, al-gharimin merupakan golongan yang berhutang untuk tujuan memenuhi keperluan asas kehidupan yang dibenarkan syarak. Kertas kerja ini ingin meneliti dua perkara utama mengenai isu asnaf al-gharimin. Pertama, mengenal pasti takrifan al-gharimin di Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Kedua, mengenal pasti ciri dan corak agihan zakat kepada asnaf al-gharimin. Metodologi pengumpulan data dan maklumat kajian dilakukan melalui kaedah temu bual bersama informan pakar dan penelitian dokumen berkaitan topik kajian. Kaedah temu bual pakar melibatkan pihak pengurusan atasan bahagian agihan LZNK, pakar syariah zakat dan pakar akademik dalam bidang zakat. Penelitian dokumen pula adalah berdasarkan data dan maklumat yang diperolehi daripada portal rasmi LZNK. Hasil kajian diharapkan dapat merungkai persoalan berkaitan takrifan dan corak agihan zakat al-gharimin seterusnya dapat mencadangkan penambahbaikan dalam kaedah serta bentuk agihan zakat al-gharimin yang sedia ada.*

**Kata Kunci:** Asnaf al-gharimin, Zakat, Hutang, Agihan Zakat

**Abstract:** *Generally, zakat collection funds in zakat institutions in Malaysia increase every year. Although zakat is distributed to each asnaf, but asnaf al-gharimin is still given less attention. According to the general definition, al-gharimin is a group of people who are indebted for the basic needs of life allowed by sharia. This paper would like to examine two main points on asnaf al-gharimin issues. Firstly, to identify the definition of al-gharimin in Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Secondly, to identify the characteristics and patterns of zakat distribution to asnaf al-gharimin. The methodology of data collection and research information was done through interviews with expert informants and review of documents related to the topic of the study. The expert interview method involved the top management of the LZNK distribution division, zakat syariah experts and academic experts in zakat. Document review is based on data and information obtained from the official portal of LZNK. The results of the study are expected to resolve questions related to the definition and pattern of*

*distribution of zakat al-gharimin and to propose the improvements in the existing methods and forms of zakat distribution for asnaf al-gharimin.*

**Keywords:** *Asnaf Al-gharimin, Zakat, Debt, Zakat Distribution*

## PENGENALAN

Umumnya, manusia tidak terlepas dari kehidupan tanpa hutang. Ada di antara mereka dalam kategori yang memerlukan hutang atas dasar keperluan dan ada yang berhutang demi memenuhi kehendak kehidupan. Hutang yang baik adalah apabila ia membolehkan beban kewangan dijelaskan sepenuhnya. Manakala hutang yang tidak baik adalah apabila meminjam sesuatu tetapi menyalahgunakan wang tersebut untuk tujuan yang lain.

Hutang adalah satu perkataan yang cukup sinonim dalam kehidupan manusia sejak dahulu hingga kini. Keperluan berhutang menjadi perkara perlu bagi kebanyakan orang namun menjadi bebanan jika tidak dimanfaatkan dengan perkara yang berfaedah dan membazir, lebih-lebih lagi jika hutang tersebut tidak dijelaskan dengan baik ( Nurshila et. al., 2014). Hal ini sudah pasti mendatangkan risiko kerugian bagi pihak yang memberi hutang kerana tidak mendapat semula wang yang diberikan kepada orang yang berhutang atau si berhutang. Walaupun terdapat pelbagai inisiatif dijalankan oleh pihak yang pakar dalam hal ehwal menguruskan wang mahupun hutang, namun masih terdapat golongan yang terlibat dalam permasalahan berkaitan dengan wang dan hutang.

Dari segi bahasa, istilah hutang di dalam bahasa Arab adalah *al-dayn*. Hutang merujuk kepada akad yang memindahkan sesuatu barang atau harta daripada pemilik asal kepada pihak yang berhutang dengan syarat barang tersebut sama nilai dan tiada sebarang penambahan (MAIS, 2021). Pihak yang berhutang adalah wajib membayar balik jumlah hutang yang dipinjam kepada pihak pemiutang. Setiap jumlah hutang perlu ditulis agar pihak yang berhutang tidak lupa atau mengabaikan hutang mereka. Menurut istilah para fuqaha, hutang atau pinjaman ini ialah memberi hak milik sesuatu barangan kepada orang lain dengan syarat orang tersebut memulangkan semula gantinya tanpa sebarang tambahan (Mustofa al-Khin, Mustafa al-Bugha dan Ali al-Syarbaji, 2004).

Hukum memberi hutang adalah sunat dengan niat ikhlas untuk membantu mereka yang berada dalam kesusahan. Seseorang yang sanggup memberi hutang akan diberi ganjaran istimewa oleh Allah SWT. Hal yang demikian merupakan satu bentuk bantuan kebajikan yang sangat digalakkan dalam Islam seperti mana firman Allah SWT:

*“Dan hendaklah kamu tolong menolong untuk membuat kebajikan dan taqwa, dan janganlah kamu tolong menolong pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab siksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).”*

*(al-Ma'idah: 5:2)*

Institusi zakat berperanan besar dalam memastikan pembayar zakat tetap membayar zakat dan penerima zakat tetap menerima bantuan zakat bagi memantapkan lagi sosio ekonomi ummah. Zakat dari segi bahasa membawa maksud bersih, suci, subur, berkat dan berkembang. Bersih dan suci dalam istilah zakat ialah membersihkan harta dari hak orang lain serta

mensucikan diri dari sifat kedekut dan bakhil. Dari segi istilah syarak, zakat ialah sejumlah harta tertentu yang diwajibkan oleh Allah S.W.T supaya diserahkan kepada orang-orang yang berhak menerimanya dengan syarat-syarat yang tertentu. Terdapat lapan golongan asnaf yang layak menerima harta kutipan zakat sepertimana yang telah ditetapkan seperti mana firman Allah S.W.T:

“...*Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanya untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (mualaf), untuk (memerdekakan) hamba sahaya dan (membebaskan) orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada jalan Allah dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan*”. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu kewajipan daripada Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana...”

(*al-Taubah: 9:60*)

Berdasarkan terjemahan ayat al-Quran tersebut, lapan golongan asnaf yang berhak menerima zakat adalah fakir, miskin, amil, mualaf, *al-riqab*, *al-gharimin*, *fi sabilillah* dan *ibn sabil*. Berdasarkan isu dan tujuan utama kajian ini dijalankan, penyelidik hanya memfokuskan asnaf *al-gharimin*.

Tujuan penyelidik memilih asnaf *al-gharimin* adalah kerana kurangnya kajian mengenai golongan ini berbanding asnaf lain berikutan kurangnya tumpuan yang lebih dan kurangnya kesedaran tentang peranan zakat dalam menyelesaikan hutang asas. Data agihan zakat turut menunjukkan statistik agihan terhadap golongan ini kurang diberi perhatian berbanding asnaf *fi sabilillah* (Mohd Faisol & Muhammad, 2019). Sedangkan *al-gharimin* tergolong dalam empat golongan yang patut diberi keutamaan berdasarkan mazhab Shafie selain *fi sabilillah* dan amil. Menurut kajian Syarifah dan Raziah (2015), mereka yang berhutang demi memenuhi tuntutan asas keperluan hidup dan gagal untuk menjelaskannya adalah tergolong dalam penerima bantuan zakat di bawah kategori asnaf *al-gharimin*.

Selain daripada itu, kebanyakan institusi zakat mengklasifikasikan asnaf *al-gharimin* berdasarkan hukum syarak secara umum namun kriteria kelayakan asnaf *al-gharimin* tidak dikemaskini mengikut keadaan ekonomi semasa. Justeru perkara ini menimbulkan kesulitan kepada masyarakat dalam mengenal pasti kelayakan mereka sebagai asnaf *al-gharimin*. Sesetengah mereka yang memerlukan bantuan kewangan tidak mempunyai pilihan selain meminta bantuan zakat. Namun mereka tidak layak kerana tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh jabatan zakat. Ini berikutan takrifan asnaf *al-gharimin* tidak sejajar dengan keperluan semasa mengikut perubahan ekonomi. Justeru kertas kerja ini membincangkan dua perkara penting berdasarkan kajian yang dilakukan oleh penyelidik di Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) mengenai asnaf *al-gharimin*. Pertamanya adalah berkaitan takrifan *al-gharimin* di Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Manakala keduanya adalah, mengenai ciri dan corak agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin*.

## KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA

Zakat merupakan satu ibadah yang sangat mulia dan diutamakan dalam Islam. Hal yang demikian kerana zakat tidak hanya berkait dengan hubungan individu muslim dan Allah (*hablum minallah*), bahkan ia melibatkan hubungan sesama masyarakat (*hablum minannas*). Secara umumnya, prestasi kutipan zakat di Malaysia telah mengalami peningkatan dari tahun ke tahun, akan tetapi peningkatan jumlah kutipan masih belum mencapai potensi sebenarnya (Nor Ghani, Mariani, Jaafar dan Nahid, 2001 & Zulkefly, Mohd Azlan dan Hairunnizam, 2002). Berdasarkan statistik semasa di laman portal rasmi Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), jumlah kutipan zakat adalah melebihi RM177 juta dan jumlah agihan zakat adalah sekitar RM150 juta pada tahun 2018. Statistik kutipan dan agihan zakat di LZNK ini dapat ditunjukkan seperti dalam Jadual 1 dan Jadual 2.

**Jadual 1: Statistik Kutipan Zakat di Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) Mengikut Jenis Zakat Dari Tahun 2015 hingga 2018**

STATISTIK KUTIPAN				
JENIS ZAKAT	TAHUN			
	2015	2016	2017	2018
	RM	RM	RM	RM
PADI	4,650,469.00	5,158,554.00	4,210,590.00	3,757,073.00
TERNAKAN	21,882.00	14,423.00	26,344.00	32,326.00
PENDAPATAN	82,589,365.00	86,614,805.00	95,813,764.00	110,475,243.00
PERNIAGAAN	25,946,191.00	26,098,086.00	40,682,748.00	35,861,434.00
WANG SIMPANAN	10,138,380.00	10,959,679.00	11,968,256.00	13,672,446.00
SAHAM	279,691.00	331,055.00	302,553.00	468,173.00
KWSP	1,200,840.00	1,508,994.00	1,614,017.00	1,912,274.00
EMAS	846,755.00	918,729.00	1,031,614.00	1,110,414.00
PERAK	2,786.00	5,976.00	2,316.00	2,982.00
GALIAN	202.00	0.00	0.00	350.00
FITRAH	8,127,304.00	8,733,793.00	9,104,987.00	9,602,495.00
QADHA ZAKAT	55,685.00	104,034.00	158,242.00	116,523.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>133,859,550.00</b>	<b>140,448,128.00</b>	<b>164,915,431.00</b>	<b>177,011,733.00</b>

Sumber: Laman Portal Rasmi LZNK (2021)

**Jadual 2: Statistik Kutipan Zakat di Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) Mengikut Jenis Zakat Dari Tahun 2015 hingga 2018**

STATISTIK AGIHAN				
JENIS ASNAF	TAHUN			
	2015	2016	2017	2018
	RM	RM	RM	RM
FAKIR	8,065,104.00	11,791,594.00	10,693,481.00	165,372.00
MISKIN	60,350,677.00	67,608,579.00	70,009,207.00	81,638,060.00
MUALLAF	1,902,430.00	1,680,590.00	1,388,810.00	2,173,503.00
AR-RIQAB	0.00	0.00	0.00	14,600.00
AL-GHARIM	32,100.00	38,098.00	57,134.00	1,510,834.00
FISABILILLAH	62,585,716.00	63,466,777.00	52,631,166.00	64,392,300.00
IBNI SABIL	189,050.00	245,840.00	163,810.00	223,930.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>133,125,077.00</b>	<b>144,831,478.00</b>	<b>134,943,608.00</b>	<b>150,118,599.00</b>

Sumber: Laman Portal Rasmi LZNK (2021)

Berdasarkan Jadual 2, jumlah agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin* adalah kira-kira RM1.5 juta pada tahun 2018. Ini bermaksud kadar agihan mengikut peratus daripada jumlah keseluruhan agihan zakat adalah sekitar 1.01 peratus sahaja bagi asnaf *al-gharimin*. Agihan zakat pada tahun 2018 lebih tertumpu kepada asnaf fakir dan miskin (54.49%), *Fisabilillah* (42.89%), *Muallaf* (1.45%), *Ibni Sabil* (0.15%) dan *Ar-Riqab* (0.01%).

Zakat bukan sahaja dapat menyucikan hati dan harta bagi orang yang menunaikan zakat malah Allah SWT menjanjikan pahala berganda di akhirat. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu bersihkan dan mensucikan mereka dan berdoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”*

*(al-Taubah, 9:103)*

Kajian lepas yang dilakukan oleh Ahmad Hidayat dan Saidatul (2014) mendapati terdapat rungutan oleh pembayar dan penerima bantuan zakat dari segi pelaksanaan kutipan dan agihan zakat. Terdapat isu agihan yang masih tidak setara antara penerima zakat dengan hasil kutipan dari pembayar zakat. Perkara ini masih lagi berlanjutan sehingga kini. Ketidakpuasan hati ini berpunca daripada takrifan asnaf yang berbeza bagi setiap negeri. Biarpun jabatan zakat merujuk sepenuhnya takrifan asnaf melalui Al-Quran dan Sunnah, praktikalnya tetap berbeza. Walaupun isu ini telah lama wujud, namun penyelesaiannya masih lagi tidak tercapai (Zulkefly et. al., 2002). Hasil rujukan dan dapatan penyelidikan melalui portal jabatan zakat itu sendiri mendapati kebanyakan jabatan zakat di kawasan utara banyak menumpukan golongan asnaf *fi sabilillah* dalam pengagihan bantuan zakat.

Lokasi dan kejujuran dalam diri manusia juga memainkan peranan dalam penentuan asnaf tersebut layak atau tidak menerima bantuan. Zulkefly et al. (2002) juga menyatakan, dalam menentukan asnaf yang benar-benar layak menerima bantuan zakat adalah satu tugas yang amat rumit kerana keadaan persekitaran yang berbeza antara tempat. Dalam mendapatkan maklumat mengenai asnaf adakalanya terbatas dan terdapat unsur-unsur penipuan dalam melayakkan mereka menerima bantuan.

Institusi kewangan Islam khususnya institusi zakat dan perbankan sememangnya mempunyai tanggungjawab sosial untuk membantu golongan miskin terutama sekali dalam usaha membasmi kemiskinan (Zarqa, 1988; Ahmed, 2003). Dana zakat lazimnya dikutip dan diagihkan dengan cara yang konservatif dan tidak produktif. Ianya dapat dilihat di mana peranan zakat pada masa kini hanya lebih memenuhi dasar keperluan perbelanjaan sara hidup daripada fungsi sebenarnya iaitu membela nasib umat Islam.

Sehingga kini, masih terdapat pembayar zakat yang memberikan zakat secara terus kepada penerima zakat tanpa melalui institusi zakat. Pembayaran zakat secara terus kepada asnaf akan menyebabkan jumlah kutipan yang diperolehi oleh jabatan zakat berkurangan malah ia dianggap sebagai bocoran dari jumlah kutipan institusi zakat (Sanep & Hairunnizam, 2005). Malahan agihan zakat juga menjadi tidak sekata. Ini kerana tumpuan sesetengah masyarakat adalah hanya kepada golongan fakir dan miskin.

Hasan (2011) telah menjalankan kajian lepas mengenai asnaf *al-gharimin* secara khusus. Hasil cadangan beliau, takrifan *al-gharimin* perlu diperhalusi dan diperluaskan lagi mengikut keadaan semasa berikutan nilai keberhutangan manusia kini tidak lagi ke arah memenuhi keperluan asas sebaliknya lebih kepada berhutang demi kepentingan dan kesejahteraan hidup. Takrifan yang jelas, telus dan terperinci serta menetapkan syarat mengikut piawaian yang berlandaskan Al-Quran dan Sunnah penting agar masyarakat dapat memahami dengan jelas maksud sebenar *al-gharimin*.

Keberkesanan dalam agihan zakat terhadap lapan golongan asnaf menjadi penanda aras kepada institusi zakat sama ada berjaya atau tidak dalam menjaga kebajikan asnaf (Abd Halim et al., 2015; Mahyuddin, 2012). Oleh yang demikian, persoalan kajian ini adalah bagaimanakah takrifan asnaf *al-gharimin* dan corak agihan terhadap asnaf tersebut di negeri Kedah? Untuk menjawab persoalan tersebut, penyelidik menjalankan kajian secara kualitatif iaitu mengenal pasti takrifan asnaf *al-gharimin* dan corak agihan zakat di negeri Kedah melalui kaedah penelitian dokumen dan temu bual pakar. Hal yang demikian dihuraikan dalam bahagian metodologi kajian.

## **METODOLOGI**

Metodologi pengumpulan data dan maklumat kajian dilakukan melalui kaedah penelitian dokumen dan juga kaedah temu bual pakar. Penelitian dokumen adalah berdasarkan data dan maklumat sekunder yang diperolehi daripada portal rasmi Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Manakala kaedah temu bual pakar melibatkan pegawai zakat bahagian agihan di LZNK, pakar syariah zakat di LZNK dan pakar akademik dalam bidang zakat.

Penelitian dokumen dilakukan dengan meneliti takrifan asnaf *al-gharimin* yang telah ditetapkan oleh pihak LZNK di dalam portal rasmi institusi tersebut. Temu bual informan pakar pula dilakukan untuk mendapatkan info terkini berkaitan takrifan, ciri serta corak agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin*. Ketiga-tiga informan temu bual tersebut dikelaskan kepada tiga kategori. Kategori pertama ialah Informan 1 yang merupakan seorang Pegawai Bahagian Agihan Zakat di LZNK.

Kategori kedua ialah Informan 2 yang merupakan pakar syariah zakat di LZNK. Manakala kategori ketiga ialah Informan 3 yang merupakan pakar akademik iaitu Pensyarah Kanan dalam Bidang Zakat yang juga merupakan Timbalan Pengarah Institusi Penyelidikan Dan Inovasi Zakat (IPIZ) di Universiti Utara Malaysia.

## **RUMUSAN DAPATAN DAN DISKUSI**

Jadual 3 menunjukkan maklumat mengenai takrifan asnaf *al-gharimin* berdasarkan penelitian dokumen di mana maklumat ini diperolehi daripada portal rasmi Lembaga Zakat Negeri Kedah

**Jadual 3: Takrifan Asnaf *Al-Gharimin* di Kedah Menurut Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)**

Institusi zakat (negeri)	Takrifan Asnaf <i>Al-Gharimin</i>
Lembaga Zakat Negeri Kedah (Kedah)	<p><i>Gharimin</i> ialah orang Islam yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas diri dan tanggungannya atau kepentingan masyarakat dan tiada keupayaan untuk membayarnya.</p> <p>Orang Islam yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi permasalahan diri atau keluarga tanggungannya atau orang yang berhutang untuk menyelesaikan masalah masyarakat dan memerlukan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Orang yang berhutang itu tidak mampu menjelaskan hutangnya</li> <li>- Hutang itu hendaklah dalam perkara taat yang diharuskan syarak</li> </ul>

Bagi melengkapkan objektif utama kajian, penyelidik telah menemu bual tiga orang informan pakar mengikut kategori yang telah ditetapkan. Informan 1 merupakan seorang Pegawai Bahagian Agihan Zakat LZNK, Informan 2 merupakan pakar syariah zakat LZNK dan Informan 3 merupakan pakar akademik dalam bidang zakat. Temu bual bersama informan pakar ini adalah bertujuan untuk mendapatkan pandangan yang lebih mendalam mengenai perluasan takrifan asnaf *al-gharimin* yang terkini termasuk ciri serta corak agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin*. Jadual 4 menunjukkan hasil dapatan kajian melalui kaedah temu bual pakar tersebut berkenaan takrifan asnaf *al-gharimin*.

**Jadual 4: Takrifan Asnaf *Al-Gharimin* Menurut Pandangan Pakar**

Kategori Pakar	Takrifan Asnaf <i>Al-Gharimin</i>
Informan 1 (Pegawai Zakat Bahagian Agihan di LZNK)	Orang yang berhutang untuk kepentingan bukan maksiat dan tidak sanggup membayarnya. Adapun orang yang berhutang untuk memelihara persatuan umat islam dibayar hutangnya itu dengan zakat, walaupun ia mampu membayarnya.
Informan 2 (Pakar Syariah Zakat LZNK)	<p>Dari segi bahasa, <i>al-gharimin</i> adalah orang yang berhutang. Imam Malik, Shafie dan Ahmad mengatakan bahawa orang yang menanggung hutang di mana hutangnya itu untuk perkara asas atau perkara daruriyyah bagi diri dan tanggungannya. Bermaksud orang itu tidak mampu membayar hutang dan dia tidak memiliki harta lebihan di mana harta lebihan itu diunjur berdasarkan nisab zakat emas.</p> <p>Menurut Yusuf Al-Qardawi, ulama kontemporari, beliau mendefinisikan <i>al-gharimin</i> itu kepada mereka yang berhutang bukan sahaja untuk kemaslahatan diri malah kemaslahatan umat seperti membina sekolah, hospital,</p>

asrama anak yatim, prasarana untuk kegunaan umum. Pendapat beliau turut dipersetujui oleh Sheikh Nasser Al-Kuwait. Beliau berkata antara kepentingan peribadi termasuklah nafkah seharian, belanja kahwin, kos perubatan, tempat tinggal, perabot dan perkakasan rumah serta hutang kerana membayar ganti rugi kepada pihak lain. Dikatakan skop hutang itu diperluaskan lagi mengikut keadaan semasa.

Informan 3  
(Pakar Akademik Bidang Zakat)

Al-gharimin adalah salah satu dari lapan asnaf zakat yang disebut jelas dalam al-quran. Al-gharimin ialah orang-orang yang berhutang. Kata akarnya gharim yang bermaksud tetap atau kekal. Dari jamaknya pula al-gharimin ialah orang-orang yang berhutang. Maksud al-gharimin secara kontemporari pula adalah disesuaikan dengan keadaan semasa.

### Ciri Dan Corak Agihan Zakat Kepada Asnaf *Al-Gharimin*

Jadual 5 menunjukkan hasil dapatan kajian melalui kaedah temu bual pakar mengenai ciri dan corak agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin*.

#### Jadual 5: Ciri dan Corak Agihan kepada Asnaf *Al-Gharimin* Menurut Pandangan Pakar

Kategori Pakar	Ciri dan Corak Agihan
Informan 1 (Pegawai Zakat Bahagian Agihan di LZNK)	<p>Kategori asnaf al gharimin ditentukan mengikut situasi kes yang sedang dialami pemohon di samping meneliti lain-lain status seperti pekerjaan dan latar belakang keluarga.</p> <p>LZNK melihat sebab hutang yang ditanggung. Pada masa yang sama meneliti faktor-faktor lain seperti kesempitan hidup untuk meneruskan hidup.</p> <p>Penyelesaian hutang dalam bentuk wang tunai. Tidak diberikan terus kepada pemohon sebaliknya terus kepada pihak yang memberi hutang.</p> <p>Bantuan zakat bagi asnaf al gharimin menjadi satu medium atau cara menyelamatkan seseorang yang dibelenggu hutang. Institusi ini juga berperanan dalam memberikan peluang kedua untuk mereka menjalani kehidupan yang lebih baik.</p>
Informan 2 (Pakar Syariah Zakat LZNK)	<p>Penerima bantuan zakat adalah seorang yang beragama Islam, berakal dan waras. Jika hutangnya itu sudah tidak mampu dibayar, bermakna hartanya telah habis. Atau sudah membuat bayaran tetapi tidak dapat dijelaskan semua hutang tersebut. Hutangnya itu dalam perkara asas. Perkara yang asas itu pula yang halal dan dibenarkan oleh syarak.</p>



Informan 3  
(Pakar Akademik Bidang Zakat)

Contohnya, jika pinjaman yang adanya unsur riba, maka zakat tidak boleh digunakan untuk membayar hutang tersebut.

Ciri asnaf *al-gharimin* merujuk kepada tiga jenis takrifan hutang pusat zakat. Pertama, orang yang berhutang untuk diri sendiri iaitu orang yang berhutang untuk kemaslahatan. Contohnya, seseorang itu masuk hospital tetapi mampu bayar bil separuh sahaja dan berhutang lagi separuh maka dia layak terima zakat.

Kedua, orang yang berhutang untuk orang lain. Misalnya orang itu berhutang atas sebab menjaga kebajikan orang lain, seperti menjaga rumah anak yatim atau sekolah pondok, kemudian beliau menanggung hutang berkaitan urusan penjagaan tersebut dan tidak mampu membayarnya. Jadi, beliau boleh menerima bantuan zakat.

Ketiga, penjamin zakat juga berada di bawah kategori *al-gharimin*. Apabila orang yang berhutang itu tidak mampu untuk membayar sebahagian daripada hutangnya, dan penjamin juga tidak mampu untuk membayarnya, maka mereka boleh minta bantuan zakat. Tetapi bergantung kepada keadaan dan jenis hutang itu sama ada berbentuk kemaslahatan atau pun tidak. Ciri-ciri lain mestilah mengikut syarat yang telah ditetapkan iaitu orang itu mestilah beragama Islam, berakal dan waras.

## KESIMPULAN

Pinjaman yang tidak diurus dengan baik boleh menjurus kepada isu muflis dalam kalangan orang yang berhutang. Isu keberhutangan sehingga menyebabkan muflis ini perlu diatasi kerana ia menjejaskan kehidupan individu muflis tersebut. Dalam Islam, golongan yang berhutang disebut sebagai asnaf *al-gharimin*. Golongan ini berhak memohon bantuan zakat daripada institusi zakat negeri. Mereka yang berhutang boleh memohon bantuan kepada institusi zakat untuk meringankan penjelasan hutang yang ditanggung. Namun, ia mestilah berdasarkan tujuan sebenar pinjaman dibuat dan masalah yang dihadapi dalam menyelesaikan hutang tersebut. Pihak institusi zakat perlu meneliti tujuan hutang tersebut sama ada dibuat berdasarkan keperluan, kehendak atau pun kemewahan semata-mata.

Bantuan daripada institusi zakat dapat membantu individu Islam yang muflis atau yang mengalami masalah hutang. Dana daripada zakat boleh digunakan bagi penyelesaian masalah ini berdasarkan kepada dua asas, iaitu orang yang berhutang yang dikenali sebagai *al-gharimin* adalah asnaf zakat dan objektif sebenar zakat adalah untuk pembangunan ekonomi ummah (Ram Al Jafri, 2013). Justeru, corak agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin* boleh dipelbagaikan mengikut bentuk bantuan sama ada dalam bentuk wang tunai atau pun sumbangan dalam bentuk barangan keperluan asas. Kedua-dua bentuk bantuan zakat sama ada dalam bentuk wang tunai atau pun barangan keperluan sebenarnya dapat membantu asnaf *al-gharimin* mengurangkan tahap bebanan hutang yang ditanggung.

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kerana membiayai penyelidikan ini menerusi geran *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS). Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan FRGS bertajuk 'Peranan zakat dalam penyelesaian hutang asnaf *al-gharimin* dalam kalangan peserta Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)' di bawah peruntukan Dana Geran FRGS-KPM, Kod S/O: 13026.

## RUJUKAN

- Abd Halim, M. N., Mohamed Saladin A. R., Rozman M, Y., Siti Mariam, A., & Rashidah, A, R. (2015). Efficiency of Islamic Institutions: Empirical Evidence of Zakat Organizations' Performance in Malaysia. *Journal of Economics, Business and Management*, Vol. 3, No. 2. 282-286.
- Ahmad Hidayat & Saidatul. (2014). Pentadbiran zakat dan kesedaran masyarakat Islam membayar zakat di daerah Kota Belud Sabah. *Sains Humanika*, 2(1): 125-134.
- Ahmed, H. (2003). The Role of *Islamic* Financial Institutions in Financing Microenterprise: Theory and Practice, paper presented at the Forum on Islamic Economics and Finance, held in Amman Jordan, Sept 27-29, 2003
- Al-Quran, Mushaf Malaysia dan Terjemahan. (2006). Shah Alam: Yayasan Restu.
- Hasan, B. (2011). *Asnaf Gharimin dan Ibn Sabil*. In Hasan Bahrom, Abd Halim Mohd Noor, & Rawi Nordin (Eds.), *Fiqh Zakat Malaysia*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM. 2011.
- Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman (LZNK). (2021). Dicapai pada 21 Januari 2021 di <https://www.zakatkedah.com>
- Mahyuddin, A, B. (2012). Hubungan antara agihan zakat dan kualiti hidup asnaf fakir dan miskin. (Tesis PhD tidak diterbitkan). Universiti Utara Malaysia.
- Majlis Agama Islam Selangor, MAIS (2021). Wang Orang Berhutang. Dicapai pada 20 Januari 2021 di <https://www.mais.gov.my/wang-orang-berhutang/>
- Mohd Faisol, I. & Muhammad. S. (2019). Peranan Agihan Zakat Sebagai Alat Kewangan Sosial Islam Bagi Melangsaikan Hutang Golongan Al-Gharimin Di Malaysia. *Labuan E-Journal of Muamalat And Society*, 45-53.
- Mustofa al-Khin, Mustafa al-Bugha & Ali al-Syarbaji. (2004). *Fiqh Mazhab Syafie* (Ust. Solehan Ayub Pentj.). Shah Alam: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Nurshila, A. & Abu Hassan Shaari, M, N. (2014). Hutang Isi Rumah dan Akses Kewangan: Bukti Analisis Panel Dinamik. *Prosiding PERKEM ke-9 (2014)* 819 – 832.
- Ram, A, J, S. (2010). Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan di Negeri Kedah Darul Aman. (Tesis PhD tidak diterbitkan). Universiti Utara Malaysia.
- Sanep, A. & Hairunnizam, W. (2005). Penerimaan dan Tanggapan Masyarakat terhadap Sumber Zakat Harta yang Diikhtilaf, *Islamiyyat*, 27(1), 45–65.

Temu bual dengan Pakar Akademik (Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia), di Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ) pada 4 Mac 2021 jam 9.00 pagi.

Temu bual dengan Pakar Syariah Zakat Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) di Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ) pada 4 Mac 2021 jam 11.00 pagi.

Temu bual dengan Pegawai Zakat (Ketua Bahagian Agihan dan Pembangunan Asnaf) Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) di Bangunan LZNK Tingkat 3 pada 9 Mac 2021 jam 9.30 pagi.

Syarifah, M. Y. & Raziah, M. T. (2015). Analisis Tafsiran Asnaf Al-Gharimin Di Malaysia. *International Journal of Management Studies. Special Issues (22)*, 81-100.

Zulkefly, A. K., Mohd Azlan Shah, Z., & Hairunnizam, W. (2002). "Pendapatan dan Sasaran Perbelanjaan Dana Zakat di Negeri Kedah, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan: Isu Dan Cabaran". Dicapai pada 20 Februari 2021 di <https://www.ukm.my/hairun/kertas%20kerja/Prestasi%20Pendapatan%20dan%20Perelanaan%20Zakat.pdf>